

# Tahap Kefahaman dan Integriti Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah

*(Level of Understanding and Integrity in Implementing Classroom Assessment of Malay Language Teacher in Primary School)*

Nur Sabrina Aiman Mohd Rosszi<sup>1\*</sup>, Nor Azwahanum Nor Shaid<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p130374@siswa.ukm.edu.my](mailto:p130374@siswa.ukm.edu.my)

Received: 27 April 2025 | Accepted: 27 May 2025 | Published: 30 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2025.7.2.11>

**Abstrak:** *Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merujuk kepada salah satu cara untuk mentaksir murid yang tidak berorientasikan peperiksaan dan bersifat menyeluruh serta lebih berfokus kepada perkembangan holistik murid. Peranan guru dalam melaksanakan PBD amat penting. Oleh itu, guru perlu faham akan PBD dan berintegriti dalam melaksanakan PBD agar data yang diperoleh melambangkan potensi sebenar murid. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan integriti melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Kaedah tinjauan digunakan untuk menjalankan kajian ini. Borang soal selidik merupakan instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini. Responden kajian terdiri daripada 210 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang. Analisis deskriptif dan analisis inferensi diguna pakai semasa proses penganalisan data. Dapatan kajian mendapati tahap kefahaman dan integriti melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi. Manakala dari aspek perbezaan jantina pula, dapatan kajian mendapati bahawa tahap kefahaman antara guru lelaki dan guru perempuan tidak berbeza walau bagaimanapun ada perbezaan pada tahap integriti. Implikasi kajian ini ialah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak sekolah perlu terus memantau dan membantu guru-guru agar melaksanakan PBD secara berintegriti.*

**Kata Kunci:** Pentaksiran Bilik Darjah, Tahap Kefahaman, Tahap Integriti, Guru Bahasa Melayu

**Abstract:** *Classroom Assessment (PBD) is one of the ways to assess students that is not exam-oriented and comprehensive and focus on the holistic development of students. The role of teachers in implementing PBD is very important. Therefore, teachers need to understand PBD and integrity in implementing PBD so that the data obtained symbolizes the true potential of the students. This study was carried out to identify the level of understanding and integrity in implementing PBD of the primary school Malay Language Teacher. Survey method is used to conduct the study. Questionnaire is the study instrument used to collect the study data. The respondents consisted of 210 primary school Malay language teachers in Sepang district. Descriptive analysis and inference analysis are adopted during the data analysis process. The findings showed that the level of understanding and integrity in implementing PBD of the Malay language teachers is at a high level. While in terms of gender differences, the findings showed that the level of understanding between male and female teachers have no differences*

*but there were differences in the level of integrity. The implication of this study is that the Ministry of Education and the school should continue to monitor and assist teachers in implementing PBD with integrity.*

**Keywords:** Classroom Assessment, Understanding Level, Integrity Level, Malay Language Teacher

---

## 1. Pengenalan

Malaysia telah diperkenalkan dengan sistem pentaksiran menerusi peperiksaan sejak dahulu lagi. Namun demikian, pentaksiran berasaskan peperiksaan tidak menggambarkan tahap penguasaan keseluruhan murid. Hal ini juga bercanggah dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu melahirkan insan yang seimbang dari pelbagai aspek termasuklah jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Hal ini telah menyebabkan pentaksiran yang berasaskan peperiksaan ini telah diubah kepada pentaksiran yang lebih bersesuaian dan dapat mentaksir kebolehan dan kemampuan murid secara lebih terperinci dan berterusan. Pentaksiran Bilik Darjah merupakan cara mentaksir murid yang tidak berorientasikan peperiksaan dan bersifat menyeluruh serta lebih berfokus kepada perkembangan holistik murid (KPM, 2019). Guru dikehendaki menilai murid bukan sahaja dari aspek kognitif malah turut menilai murid dari aspek psikomotor dan afektif (Nurul Huda & Anuar, 2022). Hal ini bertepatan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), iaitu mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh itu, sistem pentaksiran berorientasikan PBD merupakan pentaksiran secara menyeluruh. Peranan guru amat penting dalam pelaksanaan PBD (KPM, 2019). Menerusi pelaksanaan PBD, guru perlu merujuk DSKP untuk merancang PBD. Kemudian, guru mengaplikasikan PBD yang dirancang dan merekodkan tahap murid. Selepas melaksanakan PBD, guru-guru boleh membuat refleksi agar pengajaran dan pentaksiran dapat ditambah baik.

Namun demikian, kajian Mohd dan Norasmah (2019) menyatakan bahawa guru kurang memahami cara melaksanakan pentaksiran yang berterusan semasa PdP. Guru didapati tidak memahami cara mencipta instrumen pentaksiran yang berbeza untuk digunakan semasa melaksanakan PBD. Bukan itu sahaja, guru bahasa Melayu juga didapati tidak memahami fungsi penyataan tahap penguasaan (Halimah & Rozita, 2019). Hal ini demikian kerana guru membuat penskoran berdasarkan persepsi mereka sendiri dalam melaksanakan pentaksiran lisan kerana penyataan tahap penguasaan terlalu ketat, tidak begitu nyata dan sukar untuk diukur. Hal ini turut disokong oleh Sh. Siti Hauzimah (2019) dalam kajiannya dengan menyatakan guru bahasa Melayu didapati tidak melaksanakan PBD secara mendalam dan menyeluruh kerana terlalu banyak PBD dalam sesuatu topik ditambah pula dengan masa yang terhad, jumlah murid yang ramai dan tugas guru banyak.

Ada juga guru yang tidak amanah semasa dalam memberikan tahap penguasaan (TP) kepada murid seperti yang dinyatakan oleh Ali dan Veloo (2017). Menurut pengkaji, ada guru tidak berlaku adil semasa melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam menentukan tahap penguasaan murid. Justeru, perkara ini menyebabkan pelaporan yang dihasilkan tidak tepat. Bukan itu sahaja, terdapat segelintir guru yang memberikan tahap penguasaan secara purata. Halimah dan Rozita (2019) mendapati guru melaksanakan PBD secara berkumpulan dan memberi tahap penguasaan kepada semua ahli kumpulan berdasarkan pembentangan wakil kumpulan sahaja kerana jumlah murid yang ramai menyebabkan masa yang panjang diperuntukkan untuk menilai semua murid. Aktiviti pentaksiran juga tidak dijalankan oleh guru

dengan berkesan kerana guru sibuk mengejar masa untuk menghabiskan silibus mata pelajaran (Mohd Hadzair & Norasmah, 2019). Peruntukan masa yang terhad ini ditambah pula dengan aktiviti-aktiviti sekolah yang mengganggu masa peroses pengajaran dan pembelajaran serta tugas-tugas sampingan dan pengkeranian guru yang perlu dilakukan.

Selain daripada cabaran-cabaran guru dalam melaksanakan PBD, Nurul Huda dan Anuar (2022) pula membangkitkan isu berkaitan jantina guru dalam melaksanakan PBD. Kajian menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru perempuan lebih rendah daripada guru lelaki. Justeru, kajian yang dijalankan ini berlandaskan kepada objektif-objektif berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah.
- ii. Mengenal pasti tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah.
- iii. Mengenal pasti perbezaan antara tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina.
- iv. Mengenal pasti perbezaan antara tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina.

Kajian ini memfokuskan tentang tahap kefahaman dan integriti melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah. Responden kajian hanya merangkumi 210 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang. Dapatan kajian hanya terbatas kepada sampel yang dipilih dan tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi lain.


## 2. Teori

Kajian ini menggabungkan Teori Perubahan Pendidikan Fullan (2001) dan Model Standard Guru Malaysia 2.0 (2023). Teori Perubahan Pendidikan oleh Fullan (2001) berfokus kepada kesanggupan guru untuk menerima dan menjalankan perubahan yang berlaku dalam suatu tempoh masa untuk mewujudkan perubahan terhadap individu atau situasi. Tiga fasa perubahan yang diperkenalkan dalam teori ini ialah fasa permulaan, fasa pelaksanaan dan fasa penginstitutionan. Guru sudah mula terlibat sejak fasa permulaan dalam proses perubahan dalam pendidikan. Sikap positif guru menerima perubahan tersebut menjadikan perubahan sistem pendidikan itu berjaya. Kajian ini akan melihat kepada sikap integriti guru bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD.

Model SGM 2.0 pula terdiri daripada dua komponen utama, iaitu Standard Kompetensi dan Etika Keguruan. Standard Kompetensi merujuk kepada kecekapan yang perlu dimiliki pada pelbagai fasa pembangunan profesionalisme agar guru kekal berkualiti dalam perkhidmatan untuk mengembangkan potensi murid. Standard ini terdiri daripada empat domain, iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi. Orientasi ilmu merujuk kepada kebolehan mendalami pengetahuan PdP, falsafah, dasar, kurikulum, pengurusan organisasi dan trend pendidikan terkini dan menambah pengetahuan selari dengan perkembangan pendidikan. Intruksional pula merujuk kepada kebolehan mengatur dan melakukan amalan instruksional dalam mengembangkan potensi murid secara menyeluruh. Pelibatan komuniti ialah kebolehan membina jaringan bersama ibu bapa dan komuniti bagi menyokong pembelajaran murid. Kualiti peribadi pula merangkumi kebolehan menjadi seorang pendidik yang unggul, disegani dan dihormati.

Namun demikian, kajian ini hanya akan berfokus kepada dua domain sahaja, iaitu domain orientasi ilmu dan domain kualiti peribadi. Domain orientasi ilmu dilihat menerusi tahap kefahaman melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Manakala, domain kualiti peribadi pula dilihat menerusi tahap integriti melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu.

Secara ringkasnya, kajian ini dirangka bagi melihat tahap kefahaman dan integriti melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah. Perbezaan tahap kefahaman dan integriti melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina turut dikaji dalam kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

### 3. Metodologi

Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini. Menurut Mathers et al. (2009), kajian tinjauan merupakan cara yang paling dalam mengutip data agar situasi dan amalan yang dilaksanakan oleh sampel kajian dapat dibuktikan. Hal ini selaras dengan objektif kajian ini, iaitu mengenal pasti tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dan tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Kajian ini telah dijalankan di daerah Sepang, Selangor. Responden kajian terdiri daripada 210 orang guru bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang. Sampel kajian ini dipilih merujuk kepada jadual saiz sampel Krechie & Morgan (1970). Borang soal selidik merupakan instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini. Instrumen kajian ini diadaptasi daripada soal selidik yang dikemukakan oleh kajian Abdul Said dan Shanti (2019), Ashma et al. (2022) dan Pung Kodi & Wan Muna (2023). Terdapat tiga bahagian utama dalam soal selidik ini. Maklumat demografi responden dikumpul pada Bahagian A. Manakala, soal selidik mengenai kefahaman guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah terletak pada bahagian B. Manakala, tahap integriti guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah diletakkan pada bahagian C. Skala Likert lima mata digunakan dalam pembinaan instrumen. Selepas data diperolehi, data soal selidik tersebut dianalisis secara sistematik menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 29.0. Data dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan maklumat tentang tahap kefahaman dan integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Manakala bagi mengenal pasti perbezaan tahap kefahaman dan integriti melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu berdasarkan jantina, ujian T telah dijalankan. Dapatan kajian tahap kefahaman dan integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam kajian ini akan

diinterpretasikan merujuk kepada kajian Sh. Siti (2019). Jadual 1 memaparkan interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini.

**Jadual 1: Interpretasi Skor Min**

Purata Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.66	Rendah
2.67 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

#### 4. Dapatan Kajian

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang diperoleh menerusi soal selidik. Dapatan kajian akan dihuraikan mengikut empat objektif kajian yang telah dinyatakan pada awal kajian. Jadual 2 memaparkan analisis responden kajian mengikut jantina.

**Jadual 2: Analisis Responden Kajian Berdasarkan Jantina**

Jantina	Peratusan
Lelaki	38.1% (80 orang)
Perempuan	61.9% (130 orang)

Jadual 2 menunjukkan bahawa seramai 130 orang (61.9%) responden terdiri daripada guru perempuan dan 80 orang (38.1%) responden terdiri daripada guru lelaki. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih ramai guru perempuan di daerah Sepang berbanding guru lelaki.

##### a. Tahap Kefahaman Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu

Bagi memenuhi objektif kajian pertama, lapan belas item telah dianalisis menerusi borang soal selidik yang diperolehi. Menerusi analisis yang telah dijalankan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 29, julat min tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu adalah antara 3.85 hingga 4.12. Keseluruhan item berada pada tahap yang tinggi. Skor min tertinggi adalah pada item 16 “Saya faham cara merekod pencapaian PBD murid”. Berdasarkan analisis, 78.1% guru setuju dan 17.1% guru sangat setuju tentang mereka faham cara merekod pencapaian PBD murid. Walau bagaimanapun, 4.8% guru kurang setuju bahawa mereka faham cara merekod pencapaian PBD murid.

Seterusnya, skor min terendah, iaitu sebanyak 3.85 dapat dilihat pada item 5 “Saya faham perbezaan antara pentaksiran untuk pembelajaran dengan pentaksiran sebagai pembelajaran”. Berdasarkan analisis, 76.7% guru setuju dan 4.3% guru sangat setuju tentang mereka tahu perbezaan antara pentaksiran untuk pembelajaran dengan pentaksiran sebagai pembelajaran. Namun demikian, ada segelintir guru turut memberikan respons negatif, iaitu 19% guru kurang setuju bahawa mereka tahu perbezaan antara pentaksiran untuk pembelajaran dengan pentaksiran sebagai pembelajaran.

Secara keseluruhannya, skor min keseluruhan bagi tahap kefahaman ialah 4.02. Hal membuktikan bahawa guru-guru bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah.

### **b. Tahap Integriti Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu**

Bagi memenuhi objektif kajian kedua, dua belas item telah dianalisis menerusi borang soal selidik yang diperolehi. Menerusi analisis yang telah dijalankan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 29, julat min tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu adalah antara 3.69 hingga 4.08. Keseluruhan item berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati bahawa item 9 “Saya menyimpan rekod Perkembangan Pembelajaran Murid secara bersistematik” memperoleh skor min tertinggi, iaitu sebanyak 4.08. Merujuk kepada data soal selidik, 78.6% daripada 210 orang guru setuju tentang mereka menyimpan rekod Perkembangan Pembelajaran Murid secara bersistematik. Manakala, sebanyak 14.8% guru juga sangat setuju tentang mereka menyimpan rekod Perkembangan Pembelajaran Murid secara bersistematik. Walau bagaimanapun, sebanyak 6.7% guru kurang setuju bahawa mereka menyimpan rekod Perkembangan Pembelajaran Murid secara bersistematik.

Manakala, skor min terendah dengan nilai min sebanyak 3.69 terletak pada item 5 “Saya mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan PBD dalam kalangan murid saya”. Jika merujuk kepada data soal selidik yang diperolehi, 65.2% guru setuju dan hanya 2.9% guru sangat setuju tentang mereka mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan PBD dalam kalangan murid. Sementara itu, 30.0% guru kurang setuju, 1.4% guru tidak setuju serta 0.5% guru sangat tidak setuju bahawa mereka mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan PBD dalam kalangan murid.

Secara keseluruhannya, skor min keseluruhan bagi tahap integriti ialah 3.92. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa guru bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang mempunyai tahap integriti yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah.

### **c. Perbezaan tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu berdasarkan jantina**

Bagi memenuhi objektif kajian ketiga, ujian T telah dilaksanakan untuk menguji hipotesis kajian.

**H<sub>01</sub>**: Tidak terdapat perbezaan antara tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina.

Jadual 3 menunjukkan perbezaan antara tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina.

**Jadual 3: Perbezaan Antara Tahap Kefahaman Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Jantina**

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig(2-tailed)
Lelaki	80	4.054	0.266	1.108	0.423
Perempuan	130	4.005	0.340		

Berdasarkan Jadual 3, dapatan yang diperolehi daripada analisis ujian-T di atas mendapati bahawa nilai signifikan (2-tailed) ialah  $p=0.423$ ;  $p>0.05$ . Oleh itu, hipotesis null gagal ditolak. Maka, ini membuktikan bahawa tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina tidak mempunyai perbezaan yang signifikan.

**d. Perbezaan tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu berdasarkan jantina**

Bagi memenuhi objektif kajian keempat, ujian T telah dilaksanakan untuk menguji hipotesis kajian.

**H<sub>02</sub>:** Tidak terdapat perbezaan antara tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina.

Jadual 4 menunjukkan perbezaan antara tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina.

**Jadual 4: Perbezaan Antara Tahap Integriti Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Jantina**

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig(2-tailed)
Lelaki	80	3.976	0.248	2.037	0.002
Perempuan	130	3.882	0.363		

Berdasarkan Jadual 4, dapatan yang diperoleh daripada analisis ujian-T di atas menunjukkan nilai signifikan (2-tailed) ialah  $p=0.002$ ;  $p<0.05$ . Oleh itu, hipotesis null ditolak. Maka, tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina mempunyai perbezaan yang signifikan. Jika dilihat dari skor min, guru lelaki (min=3.976, SP=0.248) lebih berintegriti daripada guru perempuan (min=3.882, SP=0.363).

**5. Perbincangan**

Secara keseluruhannya, kajian mendapati tahap kefahaman melaksanakan PBD dalam kalangan guru bahasa Melayu sekolah rendah berada pada tahap tinggi. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, sebahagian besar guru faham akan konsep dan tujuan PBD. Bukan itu sahaja, guru-guru juga didapati memahami cara untuk melaksanakan PBD bermula daripada aspek-aspek yang hendak ditaksir, mengaplikasikan PBD di dalam kelas, melaporkan PBD serta membuat penjaminan kualiti. Dapatan kajian ini juga bersamaan dengan kajian Pung dan Wan Muna (2023) yang mendapati bahawa guru bahasa Melayu mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam melaksanakan PBD.

Kajian juga mendapati tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu juga tinggi. Guru-guru bahasa Melayu didapati melaksanakan PBD dengan telus dan adil. Bermula dari segi membuat persediaan yang rapi dengan merujuk Panduan Pelaksanaan PBD sehinggalah melaporkan PBD dalam templat yang disediakan guru-guru bahasa Melayu dilihat mempunyai tahap integriti yang tinggi. Malahan, guru-guru menunjukkan rasa tanggungjawab untuk melaksanakan PBD dan mempunyai kesedaran yang tinggi dalam melaksanakan PBD. Namun demikian, jumlah min agak rendah pada dua item berbanding item-item lain. Perkara ini mungkin dipengaruhi oleh sebab-sebab lain seperti bebanan tugas guru ataupun faktor bilangan murid.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Abdul Said dan Shanti (2017) yang menyatakan bahawa guru-guru mempunyai integriti yang tinggi dalam melaksanakan PBD. Kajian Ahsma et. al (2022) juga selari dengan kajian ini, iaitu guru mempunyai tahap integriti yang tinggi dalam melaksanakan PBD. Menurut pengkaji lagi, PBD Bahasa Melayu juga dilaksanakan

secara telus dan guru Bahasa Melayu didapati mempunyai ilmu yang mendalam sebelum melaporkan tahap penguasaan murid.

Dari segi perbezaan jantina pula, dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan antara tahap kefahaman melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan jantina. Mohd Malik Tu et al. (2020) turut memperoleh dapatan yang sama, iaitu kesediaan guru dalam melaksanakan PBD tidak berbeza antara guru lelaki dan guru perempuan. Malahan, kajian oleh Wan Nur Aida & Zamri (2019) juga menyokong kajian ini dengan menyatakan bahawa jantina tidak mempengaruhi pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD.

Bagi tahap integriti melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Melayu berdasarkan jantina pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap integriti guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan jantina. Guru lelaki didapati lebih berintegriti daripada guru perempuan. Kajian ini menyokong kajian Abdul Said dan Shanti (2017) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan antara integriti guru lelaki dan guru perempuan.

## 6. Kesimpulan

Kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan dan perancangan PBD di sekolah. Hasil kajian ini dapat menjelaskan tahap kefahaman dan integriti melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu dan langkah selanjutnya yang boleh diambil bagi memperkukuhkan lagi sistem PBD kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dapatan kajian ini memberikan maklumat yang sebenar tentang tahap kefahaman dan integriti melaksanakan PBD dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, pihak KPM boleh mengambil tindakan seterusnya bagi membantu guru-guru yang memerlukan bantuan dalam melaksanakan PBD dengan mengadakan bengkel ataupun membimbing guru-guru di sekolah untuk memastikan guru-guru sentiasa faham akan pelaksanaan PBD serta berintegriti dalam melaksanakannya.

Implikasi kajian untuk rujukan pihak sekolah ialah pihak sekolah dapat mengetahui keangan guru dalam melaksanakan PBD khususnya dari aspek kefahaman dan integriti. Oleh itu, pelbagai usaha dapat dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti PBD. Pihak pentadbir perlu menggalakkan guru untuk menjalankan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC). Manakala, guru juga perlu berusaha sendiri untuk melaksanakan PBD dalam PdPc sebaik mungkin berpandukan panduan yang ditetapkan serta secara adil dan telus. Perkara ini penting kerana PBD merupakan satu pentaksiran terhadap tahap pencapaian murid sepanjang mengikut pengajaran di bilik darjah secara holistik dan menggambarkan potensi sebenar murid.

Cadangan kajian untuk pengkaji akan datang ialah pengkaji boleh melaksanakan kajian dalam konteks yang lebih luas melibatkan guru bahasa Melayu sekolah rendah di seluruh Selangor. Penglibatan responden daripada guru seluruh Selangor dapat memastikan pencapaian keseluruhan digeneralisasikan kepada semua guru di Malaysia. Generalisasi ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas serta menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang lebih tinggi tentang kajian kepada pihak atasan, khususnya KPM. Maka, dapatan kajian dapat dijadikan rujukan untuk tujuan-tujuan tertentu. Selain itu, pengkaji akan datang juga boleh melaksanakan kajian kualitatif menerusi pemerhatian untuk melihat situasi sebenar pentaksiran bilik darjah untuk mendapatkan gambaran sebenar integriti guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik

darjah serta mengenal pasti cabaran- cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD dengan berintegriti.

## Rujukan

- Abdul Said Ambotang & Shanti Gobalakrishna. (2017). Tahap Integriti Dan Kesiapan Guru Dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(4), 1- 22.
- Ali Md. Ruzlan & Veloo A. (2017). Teachers' autonomy and accountability in assessing students' physical education in school-based assessment. *Teacher Development and Towards Professional Empowerment Practices Perspectives Cross Borders*. Springer.
- Ashma Said, Darayani Johari, Noor Marina Yunus & Nurhidayah Mat Husin. (2022). Tahap Pemahaman Dan Integriti Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 118 -124.
- Fullan, M. (2001). *The New Meaning of Educational Change*. Edisi ketiga. London. RoulledgeFalmer.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said. (2019). Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu Dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 25-36.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi Ke-2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Standard Guru Malaysia 2.0*. Putrajaya: Bahagian Profesionalisme Guru.
- Krejcie, R. V. dan Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*, 30, 607-610.
- Mohd Malik Tu, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Ajilin Tawan & Norlijah Watinin. (2020). Investigating The Relationship Between Teacher Attitude, Readiness, Integrity, And School-Based Assessment. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(35), 306 – 320.
- Nurul Huda Mohd Faudzi & Anuar Ahmad. (2022). Kesiapan guru sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 3-14.
- Pung Kodi Villasamy & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2023). Tahap Kefahaman, Kemahiran Dan Sikap Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 544-559.
- Rozita Radhiah Said, Zuraini Jusoh, Azhar Md. Sabil & Shamsudin Othman. (2021). Teacher Readiness In Assessing Students For Malay Language. *Pertanika Journals*, 29(3), 203 – 222.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 56-67.
- Wan Nur Aida Sakinan Wan Jusoh & Zamri Mahamod. (2019). Tahap Pengetahuan, Pelaksanaan Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Penilaian Formatif Dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Bahasa Melayu Tahap 1. *ICOFEA 2019 Conference Reading*, 788- 795.